

# Hishammuddin utamakan masa depan Pemuda Umno

BH 13 DEC 2000

BH: Betulkah wujud masalah antara Datuk dengan Abdul Aziz?

**Hishammuddin:** Sebenarnya tidak ada masalah antara kami berdua. Sekiranya kami tidak bersama untuk beberapa ketika selepas ini, tidak bermakna kami berpecah. Aziz akan ke Makkah dalam masa dua hari lagi.

BH: Tetapi ahli Umno, khususnya di kalangan Pemuda pada peringkat akar umbi mungkin berpandangan berbeza?

**Hishammuddin:** Walaupun pelbagai perkara sudah dibangkitkan oleh pelbagai pihak, saya lihat bahawa di bawah, saya tinjau sedikit-sebanyak, Pemuda kita terkawal dan masih lagi padu. Saya agak bersyukur kerana dalam apa jua perjuangan dan dalam mana-mana pergerakan, kita akan berdepan dengan bermacam-macam dugaan dan ujian. Kita ambil iktibar dan melihat cabaran ini sebagai satu hikmah yang ia boleh memberi kesempatan kepada Pemuda untuk bangkit semula. Saya, Datuk Aziz dan rakan Exco dalam Pemuda sudah bertekad bahawa dengan apa yang berlaku hari ini, saya rasa inilah masanya untuk kita lihat ke depan, memikirkan masa depan Pergerakan Pemuda itu sendiri dan lebih penting ialah parti Umno yang kita kasihi.

BH: Sabtu lalu, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menasihatkan Pemuda supaya tidak perlu menunjukkan perasaan kecewa berikutan kekalahan di Lunas.

**BETULKAH Pergerakan Pemuda Umno berjuang dengan tangan dan kaki diikat dan dalam keadaan itu disuruh berperang?**

**Apakah kekalahan calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas baru-baru ini kerana kelemahan Pemuda Umno yang kepemimpinannya dikatakan lembik?**

**Benarkah Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berselisih faham dengan Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir hingga Naib Ketuanya itu mengancam untuk meletakkan jawatan?**

**Wartawan, KADIR DIKOH, mendapatkan penjelasan lanjut Hishammuddin yang turut dihadiri Abdul Aziz selepas berbuka puasa di rumah Menteri Belia dan Sukan itu malam kelmarin.**

kepada Suqiu kerana walaupun secara menyeluruh kita lihat perkara yang dibangkitkan, boleh dikatakan tidak menyentuh hak kita orang Melayu. Tetapi kalau kita perincian daripada perkara yang dibangkitkan, saya rasa tak ada siapa yang membaca tuntutan Suqiu itu, boleh mengatakan bahawa ini tak sentuh hak keistimewaan kita. Mereka adalah satu kumpulan *single race special group*. Dan dalam negara Malav-

**Hishammuddin:** Pemuda sekarang harus membuat pilihan apa yang terpaksa kita lakukan dalam pilihan raya-pilihan raya yang akan datang. Sememangnya jawapan yang mudah ialah untuk kita bertindak sama macam mereka, iaitu mengumpulkan anak-anak Melayu kita, bakar semangat, bangkitkan isu perkauman, panggil anak-anak MIC dengan MCA, bangkitkan isu Cina pula dan buat perkara yang sama. Apa akan

melihat Pemuda Umno tidak agresif seperti mereka?

**Hishammuddin:** Sebab itu, saya bangkitkan apa yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri. Adakalanya kalau kita terlalu agresif... kita dinasihatkan jangan bertindak sebegitu rupa. Tetapi kalau kita tidak (berbuat begitu), kadangkala kita dituduh pula tidak agresif. Jadi dengan keadaan sebegitu, kita serba salah. Ini adalah satu perkara yang kita harus memahami di dalam diri kita sendiri sebagai Pemuda. Parti pembangkang sanggup lakukan apa saja ketika berpolitik sekarang, menuntut kita membuat sesuatu tindakan tetapi pada masa yang sama tidak menjejaskan masa depan negara. Kalau itu berlaku, saya rasa apa yang kita hujah sekarang pun, apa jua yang kita dituduh pun tak akan membawa apa-apa. Ada pepatah mengatakan bahawa 'biar badan berubah asalkan tanduk mengena' dan dalam keadaan begitu, masa dulu masa kita nak mengisi kemerdekaan, ketiga-tiga kaum Melayu, Cina dan India duduk semeja dan memikirkan bagaimana kita dapat membangunkan negara majmuk dalam keadaan yang harmoni dan stabil. Tetapi sekarang ini ada faktor baru yang golongan tertentu sanggup melakukan apa saja termasuk mengugut keharmonian kaum untuk kepentingan politik. Saya rasa penting Pemuda Umno harus fikirkan perkara ini dan mengatasinya. Untuk membuat tindakan melulu atau menuding jari atau tidak mengakui kelemahan kita,

pan dengan isu macam ini.

BH: Mungkin segala kelemahan ini dikenal pasti dan dibawa untuk perbincangan lanjut pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno bagi melakukan sebahagian pembaharuan dalam parti?

**Hishammuddin:** Bagi saya, kalau kita nak mengatasi masalah Pemuda, kita akan cuba mengatasinya ke tahap mana yang mampu. Kalau kita pandang bahawa mungkin ada kekurangan yang dapat kita atasi di situ dan kita perlukan pengetahuan, sokongan dan juga bimbingan daripada MT dan pucuk pimpinan, saya yakin dan cukup percaya mereka tidak akan teragak-agak untuk memimpin kita. Tetapi yang lebih penting ialah kita sendiri mengenal pasti apa kekurangan di semua lapisan kepemimpinan Pemuda Umno itu sendiri. Sebab itu saya lihat sebagai satu perkara yang positif dan kalau tidak gunakan kesempatan ini dan belajar daripada apa yang berlaku dua tiga hari sebelum ini, saya rasa rugilah kita.

BH: Ada yang kata kepemimpinan Pemuda Umno sekarang agak lembik?

**Hishammuddin:** Saya dengar banyak pandangan dari segi kelemahan kita, yang mana kita boleh atasi, kita atasi, di mana kita tak boleh atasi, saya minta pihak berkenaan untuk membantu kita.

BH: Apakah perlu Pemuda merangka satu garis panduan untuk dipatuhi ahli bagi mengukuhkan

**Hishammuddin:** Bagi saya yang penting ialah sekarang masanya untuk kita memikirkan jauh ke depan. Tuduhan terhadap Pemuda sudah pun dibuat dari dulu lagi. Saya dan rakan-rakan merasakan apa juga teguran, nasihat dan kritikan... yang penting sekarang untuk kita bekerja. Kami tak patah semangat. Kritikan-kritikan membina, kita akan terima dengan hati terbuka. Kritikan yang mungkin menyentuh individu atau mana-mana rakan kita, kita akan simpan dan pastikan yang lebih besar, yang lebih penting ialah perjuangan kita dalam Pergerakan dan untuk memperkukuhkan kegiatan kita. Jadi, dalam keadaan begini, saya rasa apa juga tuduhan, tak akan mengecewakan kita. Sekiranya nasihat pihak yang lebih berpengalaman, mengikut saluran dan cara yang sedia ada, kita sentiasa mematuhi dan menerima baik pandangan yang diberikan.

**BH:** Di Dewan Rakyat kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menjawab isu Suqiu, turut menasihatkan Pemuda Umno supaya jangan bertindak ganas dan liar?

**Hishammuddin:** Isu ini ada kaitan dengan Pemuda juga. Memang Perdana Menteri menasihatkan Pergerakan Pemuda jangan bertindak ganas dan liar atau berlebihan, terutama berkaitan tuntutan 17 perkara yang ditimbulkan itu. Jadi, dalam keadaan sekarang, jelas bahawa kita ini sebagai pemimpin nasional, pemimpin yang sedikit-sebanyak akan dan terpaksa melihat jauh ke depan dalam apa juga tindakan kita, ada kalanya kita serba salah dan kadangkalanya itu bukan apa yang kita harap-harapkan pada ketika itu. Tetapi dalam sebuah negara majmuk yang berbilang kaum dan agama, isu perkauman dan agama, masih lagi sensitif di negara ini. Sebab itu, pada peringkat awal kita sudah membuat keputusan menyampaikannya memorandum kita

sia ini yang berbilang kaum, kalau kita orang Melayu nak wujud *single race special group*, boleh juga wujudkan dan buat tuntutan macam-macam.

**BH:** Tetapi dalam setiap tindakan ada hadnya?

**Hishammuddin:** Ya, kita diajar dalam politik ada had dan batasannya. Kita nak berpolitik jangan sehingga kita gadai masa depan anak cucu kita. Dan saya lihat apa yang berlaku di Lunas baru-baru ini ialah fenomena yang agak berbeza dengan pilihan raya kecil yang lain. Kali ini mereka sanggup menggunakan bukan saja isu perkauman dan keagamaan kelompok tertentu, malah pada masa yang sama mampu mempengaruhi sebahagian daripada kaum Melayu untuk menyokong tindakan seperti Suqiu ini - 'single race special group'. Pada masa yang sama, dikaitkan pula dengan tindakan yang liar dan ganas. Ini adalah satu perkembangan yang agak berbahaya.

**BH:** Apa pilihan yang boleh dilakukan Pemuda Umno?

berlaku? Kucar-kacir kita. Tetapi pada masa yang sama, pengundi kita, jentera kita, ahli kita dipukul, wanita kita tak dapat perlindungan. Maka saya, Datuk Aziz

dan rakan-rakan Exco menyatakan, suka tak suka kita mesti sedia mewujudkan satu barisan yang sekurang-kurangnya mampu menjamin keselamatan ahli-ahli kita, jentera kita dan juga pengundi kita. Tetapi kerana kita adalah anak-anak muda yang datangnya daripada kerajaan Barisan Nasional (BN) dan parti Umno yang menjadi tunjang kepada BN, kita harus bertanggungjawab dalam tindakan kita. Maka, barisan ini mestilah berdisiplin. Mereka ini tidak boleh dipengaruhi dengan emosi kerana apa yang saya lihat pihak lawan sanggup lakukan apa saja, termasuk menggadaikan masa depan negara kita untuk kepentingan politik sementara tetapi kita dalam Umno tak seharusnya tergamak lakukan seperti ini.

**BH:** Parti lawan mungkin bertindak sedemikian rupa apabila

saya rasa bukanlah suatu perkara wajar yang kita lakukan pada peringkat Pemuda sekarang.

**BH:** Abdul Aziz ada menyata-

**“Saya harap dengan kesedaran ini... apa yang berlaku di Lunas dan apa yang dibangkitkan oleh Suqiu dan kumpulan tertentu berkaitan dengan Sekolah Wawasan, penting untuk kita melihat keadaan sebegini rupa untuk bukan saja memikirkan masa depan tetapi bagaimana Pemuda Umno mampu mengikuti arus dan perubahan”.**

Ketua Pemuda – **HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN**

kan Pemuda Umno berjuang dengan tangan dan kaki diikat tetapi dalam keadaan itulah pergerakan ini disuruh berperang?

**Hishammuddin:** Apa yang berlaku baru-baru dan apa yang diluahkan oleh semua pihak... di sebalik itu, ada hikmahnya. Saya rasa ini boleh membantu kita dan juga pihak parti kita memahami sedikit-sebanyak kedudukan kita ini. Tetapi yang penting sekarang ialah untuk kita Pemuda Umno mencari apa dia kekurangan yang ada pada peringkat kita yang harus kita tangani. Seperti yang saya sebut tadi, saya, Datuk Aziz dan rakan Exco bertekad untuk melakukannya dan ini saya rasa satu kesempatan dan peluang yang terbaik. Lepas ini saya harap pada peringkat Exco sekurang-kurangnya, kita tak akan cakup banyak sangat... yang penting ialah kita bersedia. Inilah yang perlu kita lakukan ketika berde-

pergerakan?

**Hishammuddin:** Saya rasa yang paling penting ialah tidak ada satu faktor yang boleh kita tunjuk yang mana kita akan menyelesaikan semua masalah Umno. Jadi, dalam keadaan yang begitu realistik, yang penting ialah semangat dan komitmen ahli-ahli kita. Inilah yang kita nak tumpukan dan ini tidaklah satu perkara yang perlu kita heboh-hebohkan. Yang penting ialah kita lakukannya sampai ke peringkat akar umbi. Oleh itu, saya harap dengan kesedaran ini... apa yang berlaku di Lunas dan apa yang dibangkitkan oleh Suqiu dan kumpulan tertentu berkaitan dengan Sekolah Wawasan, penting untuk kita melihat keadaan sebegini rupa untuk bukan saja memikirkan masa depan tetapi bagaimana Pemuda Umno mampu mengikuti arus dan perubahan.

**BH:** Bagaimana dengan program Pemuda mendekati pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) seperti diwarwarkan sebelum ini?

**Hishammuddin:** Kita akan teruskan. Saya tahu kita terima pelbagai tuduhan. Yang penting sekarang untuk kita mendampingi rakyat, bukan saja Pemuda. Mendekati rakyat bermakna kita harus mendekati bukan saja mahasiswa, malah berbincang dengan rakan-rakan kita dalam parti komponen untuk memikirkan bagaimana kita dapat mendampingi kaum lain untuk menjelaskan bahawa sesungguhnya tindak-tanduk kita ialah untuk memastikan samasama dapat membangun negara kepada tahap yang lebih maju. Itu adalah tanggungjawab semua pemimpin Umno. Setakat mana yang kita boleh lakukan dalam Pemuda, kita akan lakukan.

**BH:** Program mendekati pelajar IPT dikatakan kurang berkesan?

**Hishammuddin:** Kurang berkesan, maknanya ada jugalah kesan. Ada perkembangan baiklah itu.